

27/08/1998

BLR turun ... teori IMF terpesong

Kadir Dikoh

PENURUNAN itu bukan sesuatu yang mengejutkan dan bayangan ke arah itu menjelma apabila Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) mengumumkan pelan tindakan pemulihan ekonomi negara pada 24 Julai lalu dengan saranan supaya kerajaan mengamalkan satu pendekatan yang berimbang ke atas kadar faedah kerana kenaikan kadar faedah yang mendadak dan berpanjangan tidak boleh dipertahankan. Ini dikhuatiri akan menyemarakkan lagi jangkauan inflasi melalui kos dana yang semakin tinggi.

Namun, kebimbangan akan berlaku tekanan terhadap ringgit apabila kadar faedah diturunkan nampaknya tidak begitu tepat. Kadar inflasi pun kelihatan terkawal.

Berpandukan kepada perkembangan terbaru itu, jelas sekali teori ekonomi berasaskan buku teks tidak semestinya betul. Malah, syor Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) selama ini supaya negara penerima bantuannya mengekalkan rejim kadar faedah tinggi, lebih mendatangkan keburukan daripada kebaikan. Contohnya di Korea Selatan, Thailand dan Indonesia.

IMF sendiri mengesyorkan kepada Malaysia sebelum ini supaya menaikkan kadar faedah bagi mengelak tekanan kegawatan dan untuk mempertahankan ringgit - satu nasihat yang tidak disukai Kuala Lumpur.

Malah, kepercayaan bahawa ringgit akan jatuh disebabkan oleh pengaliran keluar modal selepas kadar faedah diturunkan, terbukti salah.

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim minggu lalu mengulangi bahawa Malaysia akan merangka strateginya sendiri dan bukan meminta bantuan IMF. "Kita bertanggungjawab bagi menjamin dasar ekonomi yang kita laksana iaitu sesuatu yang diinginkan oleh rakyat," katanya.

Dalam erti kata sebenar, apa yang dikhuatiri akan berlaku apabila sesuatu pendekatan baru diamalkan terutama dalam keadaan ekonomi semasa, tidak semestinya betul. Malaysia sendiri mengamalkan rejim kadar faedah tinggi sepanjang gawat.

Jelas, apabila Bank Negara Malaysia (Bank Negara) menurunkan kadar campur tangan tiga bulan sebanyak dua kali dalam tempoh lapan hari kepada 10 peratus, berkuatkuasa mulai 10 Ogos lalu, ia langsung tidak mempengaruhi pergerakan ringgit.

Contohnya, pada 3 Ogos lalu, apabila pengurangan kadar campur tangan sebanyak 50 mata asas, ringgit menunjukkan prestasi baik. Ringgit ditutup pada 4.1615/1715 pada 3 Ogos dan pada 4.1410/1610 sehari kemudian iaitu margin yang agak kecil berbanding ketika krisis mata wang tercetus pada Julai tahun lalu.

Mungkin dalam keadaan biasa, penurunan kadar campur tangan oleh Bank Negara akan mempengaruhi penurunan kepada ringgit. Kadar campur tangan adalah tahap di mana Bank Negara memberi pinjaman kepada bank. Tahap itu akan mempengaruhi kadar pinjaman antara bank dan seterusnya BLR iaitu kadar yang dikenakan kepada pengguna.

Sejak Bank Negara menurunkan kadar itu kepada 10.50 peratus 3 Ogos lalu daripada 11 peratus yang dikenakan mulai Februari lalu, banyak bank menurunkan BLR. Bank terus menurunkan BLR apabila bank pusat itu sekali lagi menurunkan kadar berkenaan kepada 10 peratus mulai 10 Ogos lalu.

Penurunan BLR sehingga serendah 10.90 peratus oleh bank, pasti melegakan syarikat korporat yang selama ini dibelenggu kadar faedah tinggi dalam senario ringgit yang sudah susut kira-kira 40 peratus sejak Julai tahun lalu.

Matlamatnya ialah supaya pengurangan BLR dan kadar faedah boleh merangsang ekonomi apabila mudah tunai wujud dalam sistem perbankan. Apabila bank kembali membiayai projek sekurang-kurangnya bagi aktiviti produktif, maka sektor seperti perkilangan, pembinaan dan hartanah akan rancak semula.

"Penurunan BLR ini adalah satu isyarat baik kepada golongan korporat dan peniaga keseluruhannya. Namun, bagi bank, ia masih boleh "hidup" dengan beberapa penyesuaian dilakukan meskipun margin keuntungan dijangka terjejas. Arah tuju sekarang ini nampaknya ada kelonggaran," kata Timbalan Pengerusi merangkap ketua eksekutif Perwira Affin Bank, Raja Datuk Aman Ahmad.

Walaupun sebelum ini kerajaan mengalok bank membiayai projek berdaya maju, sesetengah bank sukar berbuat demikian kerana masalah mudah tunai serta kos pinjaman antara bank yang tinggi.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Tugas-Tugas Khas, Tun Daim Zainuddin sendiri kerap menegur bank supaya mengurangkan kadar faedah kerana mereka percaya banyak perniagaan menderita disebabkan mudah tunai ketat. Pandangan pemimpin itu disambut baik oleh masyarakat umum yang percaya bahawa bank sendiri akan rugi jika kegiatan perniagaan tidak berjalan lancar.

Sebelum gawat, peminjam bank termasuk syarikat korporat mungkin tidak berasa perit kerana kadar faedah institusi kewangan dan perbankan stabil. Tetapi kepedihan itu benar-benar menguji mereka apabila kadar faedah naik mendadak setelah tercetus kegawatan ekonomi lebih setahun lalu.

Ramai usahawan mengeluh apabila kadar pinjaman efektif mencecah setinggi 20 hingga 21 peratus sementara bank-bank memberikan pinjaman di antara mereka pada kadar 11 peratus.

Rakyat biasa terutama yang membuat pinjaman perumahan, juga tidak terlepas daripada bebanan kenaikan kadar faedah. Bank terpaksa menambahkan bayaran ansuran bulanan mereka atau memanjangkan tempoh bayaran balik.

Itulah senario sejak Disember lalu. Sejak awal Ogos, pertambahan mudah tunai dalam sistem kewangan, menurunkan BLR yang membolehkan mereka terbabit mula menarik nafas panjang meskipun tahap kadar faedah masih tinggi berbanding keadaan sebelum gawat.

Institusi perbankan dan kewangan tempatan sejak kebelakangan ini mengumumkan penurunan BLR sehingga serendah 10.90 peratus atau kebanyakannya sekitar 11.00 hingga 12.00 peratus berbanding setinggi 12.30 peratus Jun lalu berikutan langkah Bank Negara mengurangkan kadar campur tangan.

Namun, penganalisis yakin, kadar campur tangan itu akan dikurangkan lagi dalam tempoh terdekat ini sehingga sesetengahnya meramalkan bahawa BLR akan turun hingga ke paras 10 peratus menjelang akhir tahun ini. Sebelum gawat, kadar BLR adalah 7.5 peratus.

"Begitu pun, segalanya bergantung kepada pergerakan ringgit. Jika Bank Negara berasa tindakannya untuk mengurangkan kadar campur tangan tidak memberi kesan ketara kepada penurunan ringgit, maka bank pusat akan terus berbuat demikian," kata penganalisis perbankan di TA Securities Sdn Bhd, Chie Kieng Ngu.

Namun, rakannya dari syarikat yang sama iaitu Anthony Dass berpendapat tidak ada hubung kait di antara pengurangan kadar faedah dan penurunan nilai ringgit dalam kegawatan ekonomi sekarang berdasarkan satu ujian empirik yang dijalankannya.

Pakar ekonomi itu berpendapat dalam keadaan biasa perubahan kadar faedah akan menjejaskan dana jangka pendek tetapi dalam keadaan luar biasa, seperti kegawatan sekarang, kadar faedah bukan faktor yang mempengaruhi sesuatu mata wang.

"Kajian saya menunjukkan bahawa sebelum kegawatan ekonomi serantau,

pergerakan ringgit dipengaruhi oleh tahap kadar faedah tetapi tidak selepas Julai 1997," katanya.

Seorang lagi pakar ekonomi, Dr Ghazali Atan yang juga Ketua Eksekutif Metrowangsa Asset Management Sdn Bhd, juga menyokong pandangan itu dengan berpendapat bahawa setakat ini ringgit kelihatan stabil di sebalik penurunan kadar faedah.

"Memang ada hubungan di antara ringgit dan kadar faedah dan begitu juga di antara kadar faedah dan akaun semasa. Soal kadar pertumbuhan juga boleh mempengaruhi kadar faedah. Jadi semuanya ada hubung kait.

"Namun, sejak kadar faedah diturunkan, ringgit nampaknya stabil dan saya menjangka kadar BLR akan turun lagi," katanya.

Jelaslah bahawa teras utama dasar kewangan kerajaan adalah menstabilkan sistem kewangan dan mengadakan suasana perbankan yang sesuai yang akan merangsang kegiatan ekonomi.

Bagaimanapun, banyak pihak berkata dalam mencapai objektif ini, kerajaan tidak harus menghadapi risiko aliran keluar modal dengan tidak mengalakkan simpanan swasta yang akan terus melemahkan ringgit.

Ini kerana menurunkan kos menjalankan perniagaan sudah tentu akan membantu, sebahagian daripadanya ke arah suasana perniagaan yang lebih sesuai.

Sekarang, kita ingin lihat apakah respon segera daripada syarikat korporat sama ada mereka menimbang semula keputusan pelaburan mereka terutama jika mereka terbabit dalam projek yang ditangguhkan, yang memerlukan suntikan modal yang banyak.

Dengan keadaan mudah tunai sistem perbankan bertambah baik, semestinya kesukaran memperolehi pinjaman tidaklah begitu sukar seperti sebelum ini. Apakah mereka masih mempraktikkan sikap "tunggu dan lihat" perkembangan ekonomi semasa termasuk pergolakan serantau sebelum membuat keputusan seterusnya.

"Sikap seperti ini memang diramalkan kerana keadaan masih belum begitu selamat untuk membuat keputusan pelaburan semula. Kita kena tengok keadaan semasa termasuk arah aliran sektor pembinaan dan hartanah," kata seorang eksekutif sebuah syarikat tersenarai.

Malaysia juga nampaknya berupaya mengawal kadar inflasi, yang akan memberi ruang kepada pembuat dasar untuk terus mengurangkan kadar faedah sebelum akhir tahun ini.

Kadar inflasi diukur oleh indeks harga pengguna (IHP) yang berada pada paras 5.8 peratus pada Julai seperti dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan baru-baru ini. Kadar itu adalah di bawah tahap tahunan 6.2 peratus pada Jun dan di bawah unjuran sebenar kebanyakan pihak.

Awal tahun ini, Bank Negara menyatakan bahawa kadar inflasi bagi tahun ini diunjurkan di antara tujuh dan lapan peratus, naik daripada 2.7 peratus tahun lalu.

Kejatuhan 40 peratus nilai ringgit berbanding dolar Amerika sejak Julai tahun lalu, menaikkan harga barangan import.

Namun, tekanan ke atas harga barangan nampaknya kurang berbanding kebimbangan sebenar pihak berkuasa, yang memberi laluan kepada Bank Negara yang selama ini mengekalkan rejim kadar faedah tinggi bagi membendung inflasi, untuk terus melonggarkan dasar kewangan.

Bagi tempoh tujuh bulan pertama tahun ini, IHP naik 5.2 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lalu.

Ramai ahli ekonomi menjangka bahawa kadar tahunan inflasi untuk berlegar di antara lima dan enam peratus tahun ini.

(END)